

**KATA ALU-ALUAN
YB DATUK SERI FADHLINA SIDEK
MENTERI PENDIDIKAN**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

Warga pendidik, warga sekolah, murid-murid dan ibu bapa yang saya kasihi,

Pendidikan sentiasa bergerak bersama perubahan zaman. Namun dalam mengejar perubahan, kita tidak boleh kehilangan perkara paling penting dalam pendidikan, iaitu manusia.

Tahun 2026 membawa beberapa perkembangan besar kepada pendidikan negara. Rancangan Pendidikan Malaysia 2026–2035 telah dilancarkan dan persediaan menuju Kurikulum Persekolahan 2027 sedang berjalan. Kedua-duanya membawa satu tekad yang sama, iaitu kita mahu anak-anak mendapat pendidikan yang relevan dengan dunia hari ini tanpa meninggalkan asas Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Dapatan PISA 2025 pula memberi kita gambaran tentang kedudukan anak-anak kita hari ini. Ada kekuatan yang perlu terus dibina. Ada kelemahan yang mesti kita akui danbaiki. Yang penting, dapatan ini mesti diterjemahkan kepada tindakan supaya setiap anak mendapat peluang untuk berkembang mengikut potensi mereka. Anak-anak kita juga sedang membesar dalam dunia yang sangat berbeza. Kecerdasan Buatan (AI) sudah menjadi sebahagian daripada cara mereka mencari ilmu dan belajar. Kita tidak perlu takut kepada teknologi. Kita perlu mengajar anak-anak bagaimana menggunakannya dengan bijak, beretika dan bertanggungjawab. Di sinilah peranan guru dan ibu bapa semakin penting. Teknologi boleh membantu anak-anak belajar, tetapi manusia tetap membentuk nilai, karakter dan pertimbangan mereka.

Pada masa yang sama, cabaran yang mereka hadapi juga berubah. Tekanan tidak lagi berhenti di pintu pagar sekolah. Dunia digital membawa bersama risiko seperti buli siber yang boleh mengikuti seorang anak hingga ke ruang paling peribadi dalam hidup mereka. Guru dan warga sekolah juga berhadapan dengan tekanan dalam persekitaran yang semakin terbuka. Oleh itu, sekolah mesti kekal sebagai ruang yang selamat dan manusiawi. Anak-anak perlu tahu bahawa ada tempat untuk mereka bersuara. Mereka perlu rasa didengari, dihargai dan dilindungi. Guru pula mesti dapat menjalankan amanah mendidik dalam persekitaran yang menjaga kesejahteraan mereka.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada para guru atas kesabaran, dedikasi dan keprihatinan yang tidak pernah luntur dalam mendidik anak-anak kita. Terima kasih juga kepada ibu bapa kerana terus berjalan bersama-sama sekolah. Khusus buat anak-anak yang saya sayangi, teruslah belajar dan mencari apa yang terbaik dalam diri. Gunakan teknologi dengan bijak. Hormati sesama insan, jaga diri dan jangan lupa menjaga rakan-rakan di sebelah kita.

Akhir kata, tahniah kepada Sidang Redaksi dan seluruh warga sekolah atas penerbitan majalah ini. Apabila majalah ini dibuka semula beberapa tahun daripada sekarang, mungkin banyak perkara tentang sekolah sudah berubah. Namun saya berharap satu perkara kekal, iaitu sekolah ini pernah menjadi tempat anak-anak kita belajar, membesar, menemukan bakat dan mengenal nilai menjadi manusia.

Itulah pendidikan yang mahu kita bina. Pendidikan yang melahirkan “Insan Sejahtera” yang berilmu, berkarakter, berintegriti dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

FADHLINA SIDEK